



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

DYN
2030
Digital Economy
Development

1/2023

KENYATAAN MEDIA

KUSKOP BANTU USAHAWAN PMKS TERJEJAS BANJIR

Putrajaya, 9 Januari 2023 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah menanggungkan sejumlah RM128.6 juta pembayaran semula pinjaman mikro kredit dan pinjaman keusahawanan kepada seramai 65,596 usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di beberapa negeri seluruh negara yang terjejas banjir pada 9 hingga 31 Disember 2022.

Hampir kesemua usahawan atau peminjam yang terjejas ini dari Kelantan dan Terengganu manakala selebihnya dari Pahang serta Sabah. Menteri Datuk Ewon Benedick berkata, peminjam atau usahawan berkenaan yang membuat pinjaman melalui agensi-agensi di bawah KUSKOP boleh memohon penangguhan sehingga tempoh maksimum enam bulan.

Agensi yang terlibat ialah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), SME Corp Malaysia, TEKUN Nasional, Bank Rakyat dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Beliau berkata, penangguhan pembayaran semula pinjaman tersebut merupakan inisiatif kementerian bagi membantu meringankan tekanan dan bebanan yang dihadapi oleh koperasi, usahawan mikro, kecil dan sederhana di kesemua negeri yang terlibat.

Sementara itu, kementerian juga melaksanakan program bantuan bakul makanan pasca-banjir di Kelantan dan Terengganu kepada seramai 1100 keluarga isi rumah terlibat banjir melibatkan peruntukan sebanyak RM110,000.

Penyerahan bakul makanan kepada mangsa-mangsa banjir ini akan dilaksanakan oleh Timbalan Menteri, Senator Saraswathy Kandasami bersama agensi-agensi Kementerian pada 13 Januari ini di kedua-dua negeri tersebut.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

LAMPIRAN

BIL	AGENSI	JENIS BANTUAN
1.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	<ul style="list-style-type: none">- Bantuan menerusi Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi.- Melibatkan 37 Koperasi yang terjejas banjir.- Peruntukan pembiayaan sebanyak RM1.1 juta.
2.	TEKUN Nasional	<ul style="list-style-type: none">- Permohonan untuk penjadualan semula pembiayaan- Pengeluaran simpanan- Tambahan modal perniagaan- Moratorium bagi 3 bulan- Melibatkan 1799 usahawan TEKUN yang terjejas dengan implikasi kewangan RM2.15 juta.
3.	Bank Rakyat	<ul style="list-style-type: none">- Penangguhan sementara bayaran ansuran bulanan untuk tempoh sehingga 6 bulan.- Melibatkan 35 PMKS dengan implikasi kewangan RM5.15 juta.
4.	SME Corp. Malaysia	<ul style="list-style-type: none">- Menerusi program SMEEF 2.0, moratorium selama 12 bulan dengan jumlah nilai telah diluluskan sebanyak RM94.5 juta kepada 1,001 usahawan PKS yang terjejas banjir.- Bantuan disalurkan menerusi MIDF.
5.	Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)	<ul style="list-style-type: none">- Penangguhan bayaran balik mingguan melibatkan 62,724 orang peserta dengan implikasi kewangan RM25.7 juta dan peserta boleh memohon penjadualan semula (PJS) atau memohon moratorium selama 6 bulan.